



AZMI OSMAN (depan) beramah mesra dengan anggota yang menerima kenaikan pangkat pada Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor di Pekarangan Balai Bomba dan Penyelamat Kota Anggerik, Bukit Jelutong, kelmarin. -UTUSAN/ MOHD SHAHARANI SAIBI

Sistem pendawaian punca utama kebakaran

SHAH ALAM 20 Ogos - Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor merekodkan 12 kematian sehingga Ogos ini akibat daripada kegagalan sistem pendawaian di kediaman masing-masing terutama melibatkan rumah teres.

Pengarahnya, Azmi Osman berkata, sistem pendawaian rumah perlu diselenggara setiap 10 tahun, namun yang berlaku sebaliknya disebabkan masyarakat kurang arif selain tidak mengambil berat kepentingan perkara tersebut.

"Kesedaran menyemak sistem pendawaian dalam kalangan masyarakat berada pada tahap amat rendah sehingga menyebabkan jika berlaku kebakaran, mereka tidak mampu menanganinya

berikutan tidak peka dengan ilmu kebakaran.

"Selain itu, penggunaan jeriji tidak sesuai di kediaman masing-masing juga menjadi salah satu faktor yang menyumbang kepada kematian di negeri ini," katanya dalam sidang akhbar selepas hadir ke Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor di sini.

Terdahulu, beliau memakailkan pangkat kepada dua pegawai dan 22 anggota di negeri ini, atas khidmat bakti yang diberikan sepanjang berkhidmat bersama bomba.

Dalam pada itu, Azmi menjelaskan, pihaknya tidak menafikan bahawa Jabatan Bomba dan

Penyelamat Selangor berdepan dengan masalah kekurangan anggota dan pegawai.

Jelasnya, keadaan itu bertambah genting kerana pada tahun lalu sahaja, Selangor menerima lebih 17,737 panggilan kecemasan melibatkan pelbagai kes sama ada kebakaran atau keselamatan.

"Walaupun dimaklumkan tiada penambahan penjawatan, kita mempunyai strategi tersendiri iaitu dengan menambah anggota pasukan bomba bantuan.

"Setakat ini, kita mempunyai lebih 300 anggota bomba bantuan dan bercadang untuk menambah lagi 100 anggota bagi menyalurkan khidmat kepada masyarakat," katanya.